

MyKad: Penduduk buat laporan polis

KOTA KINABALU: Seorang penduduk di sini, Nasip Bentawang membuat laporan polis terhadap beberapa kenyataan yang dibuat oleh beberapa Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri serta pemimpin NGO yang mendakwa MyKad telah dikeluarkan kepada para pendatang tanpa izin di negeri ini.

Nasip berkata melalui kenyataan oleh tiga Ahli Parlimen dan dua pemimpin Ngo itu seolah-olah membayangkan adanya MyKad yang sedang dikeluarkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bukan melalui cara sah atau betul.

“Jika perkara ini benar, saya percaya Wakil-Wakil Rakyat ini boleh membantu polis dengan bukti-butki yang sebenar bahawa MyKad telah

dikeluarkan kepada pendatang tanpa izin yang masuk ke negeri ini,” katanya.

Nasip berkata MyKad adalah dokumen yang amat penting yang dikeluarkan hanya kepada warganegara Malaysia dan mereka yang layak bersesuaian dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.

“Saya yakin pihak berkuasa yang berkaitan sedar bahawa adanya pendatang yang memiliki MyKad palsu seperti juga berlakunya kad kredit tiruan atau mata wang palsu,” katanya.

Beliau meminta pemimpin-pemimpin yang membuat kenyataan termasuk badan-badan NGO yang mendakwa adanya pendatang yang memiliki MyKad membuktikan kepada pihak berkuasa termasuk polis.

LAMPIRAN A

LAPORAN POLIS

Saya Nasip bin Bentawang No: K/P: 560528 12 5473 dengan ini ingin membuat laporan berkaitan dengan beberapa kenyataan yang dibuat oleh beberapa orang, termasuk Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri yang menuduh iaitu My Kad telah dikeluarkan kepada pendatang-pendatang haram. Kenyataan-kenyataan ini membayangkan atau mengandungi makna bahawa adanya My Kad yang sedang dikeluarkan oleh sesuatu Jabatan Kerajaan Persekutuan bukan melalui cara sah atau betul. Laporan ini diasaskan kepada berbagai kenyataan yang telah dibuat pada beberapa ketika yang berasingan oleh:-


1. YB Donald Mojuntin, Ahli Parlimen dari Penampang;
2. YB Marcus Mojigoh, Ahli Parlimen dari Putatan;
3. YB Datuk Wilfred Madius Tangau, Ahli Parlimen dari Tuaran;
4. Y.Bhg. Datuk Patrick Sindhu, President of the Consumers' Association of Sabah and Labuan;
5. Prof. Dato' Mohd. Hamdan Adnan, Pesuruhjaya SUHAKAM, Malaysia;

dan dilapor untuk siaran dalam media akhbar tempatan. Saya percaya iaitu ahli-ahli Yang Berhormat ini boleh membantu Polis dengan bukti-bukti yang sebenarnya bahawa My Kad telah dikeluarkan kepada pendatang-pendatang haram.

My Kad adalah sekeping dokumen yang amat penting yang dikeluarkan kepada hanya Warganegara Malaysia dan mereka yang layak sebagai warganegara bersesuaian dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan.

Pihak-pihak berkuasa yang relevan sedar bahawa adanya pendatang-pendatang biasa yang memiliki My Kad yang diperolehi melalui perbuatan menipu dan tidak lurus, sama juga seperti cara-cara membuat mata wang dank ad kredit tiruan.

Sebagai rakyat bertanggungjawab, kita mesti berhati-hati bahawa kita tidak membuat kenyataan yang umum dan cenderung kepada mencemarkan imej Kerajaan. Saya menggesa pihak Polis mengambil langkah untuk menentukan agar kesemua mereka yang menuduh bahawa ada pendatang-pendatang haram yang memiliki My Kad mesti membuktikan kejadian-kejadian salah yang dituduhinya itu.



Kota Kinabalu.

Tarikh: 17/03/2006